

Perwakilan harap polemik Abdullah, Mahathir diselesaikan

Um- 10/11/2006

KUALA LUMPUR 15 Nov. — “Buang yang keruh ambil yang jernih,” itulah luahan dan harapan anggota UMNO apabila Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengajak perwakilan ke Perhimpunan Agung di sini hari ini mendoakan kesihatan Tun Dr. Mahathir Mohamad cepat pulih daripada serangan jantung baru-baru ini.

Mereka mengangap suatu perkembangan positif pernyataan Abdullah bahawa kerajaan bertanggungjawab memberi segala kemudahan rawatan kepada Dr. Mahathir, yang dimasukkan ke Institut Jantung Negara (IJN) kerana serangan jantung ringan dan kenyataan Dr. Mahathir memohon maaf kerana tidak dapat menghadiri perhimpunan agung hari ini.

Seorang perwakilan dari Kedah, **Ariffin Man** berkata kenyataan bekas Perdana Menteri itu amat dialu-alukan kerana perkara yang paling penting ialah perjuangan bangsa Melayu.

“Kita sambut baik kenyataan Tun itu... penyatuan UMNO adalah penting bagi menjayakan hasrat kerajaan dan memastikan ia sampai ke akar umbi.

“Sebarang pertelingkahan hanya akan membantutkan hasrat kerajaan dan kerja-kerja parti terutama dalam usaha menambah ahli dan kerja-kerja pilihan raya,” katanya ketika ditemui di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Ariffin yang merupakan perwakilan dari Pokok Sena berkata sebagai anggota parti, Dr. Mahathir mempunyai hak untuk mengedarkan kenyataan itu.

“Bagi kita tak ada apa-apa masalah. Sebagai ahli parti Tun ada hak sebagai bekas presiden dan bekas pemimpin negara,” katanya.

Perwakilan dari Terengganu, **Datuk Rosol Wahid** pula berkata, apa yang dinyatakan Tun dalam kenyataan itu adalah satu perkembangan yang baik terhadap perpaduan Melayu.

“Ibarat kata pepatah Melayu, buang yang keruh, ambil yang jernih... Ini sebagai permulaan ke arah perpaduan dan kecemerlangan umat Melayu dan UMNO,” katanya.

Beliau berkata, anggota UMNO tidak mempunyai sebarang prasangka terhadap bekas pemimpin negara itu dan sebarang usaha untuk penyatuan parti dan orang Melayu amat dialu-alukan.

Anggota Majlis Tertinggi, **Datuk Shafie Apdal** berkata, UMNO sentiasa mendoakan supaya polemik antara Dr. Mahathir dan Abdullah diselesaikan.

“Yang baik itu akan mendatangkan kebaikan, perbalahan itu akan mendatangkan keburukan... jarang perbalahan ini dapat memberi manfaat kepada rakyat, kepada umat dan kepada bangsa,” katanya.

Beliau berkata ucapan Abdullah yang mendoakan supaya Dr. Mahathir sihat dan keluarganya diberi kesejahteraan menyentuh perasaannya bukan hanya sebagai seorang anggota UMNO, tetapi juga sebagai seorang umat Islam.

Pemangku Pengerusi Kelab Anggota Parlimen Barisan Nasional (BNBBC), **Datuk Raja Ahmad Zainuddin Raja Omar** berharap segala kekeruhan yang timbul antara pemimpin dan bekas pemimpin negara itu kembali menjadi jernih.

Beliau berkata, Abdullah yang mendoakan kesihatan Dr. Mahathir itu benar-benar menunjukkan keikhlasan Perdana Menteri.